

Logik teori dangkal dan persiapan hadapi banjir ketiga



Sang Bedal

APA sebenarnya yang tersirat di sebalik kejadian banjir dua pusingan (dan dilaporkan akan ada pusingan ketiga) di Johor? Memang cuaca adalah faktor utama banjir paling buruk dalam sejarah Johor moden ini. Hujan yang turun dalam tempoh itu dikatakan sama banyak seperti hujan untuk beberapa bulan.

Kemudian kita harus mengkaji struktur muka bumi Johor. Jika dianalisis secara dangkal berdasarkan pandangan dari udara di sekeliling Empangan Sembrong memang sah di sekelilingnya sudah diteroka.

Kita tidak nampak di mana wujudnya zon penampungan. Penerokan tanah berlaku sehingga ke pa-

ras maksimum yang umpamanya mencecah tebing empangan.

Bayangkan air empangan yang kelihatan seperti teh susu bermacam kopi susu pekat dek berta-kungnya air lumpur dari kawasan ladang kemudian masuk ke empangan.

Jika disusur lebih jauh, penerokaan hutan di Johor dilakukan secara agresif. Dan inilah antara sebab utama berlaku banjir besar.

Tetapi kisah lain berlaku di Seri Medan dan Parit Sulong. Jika dilihat air yang bertakung adalah air gambut atau air jernih yang membuktikan tiada air dari luar masuk ke kawasan ini. Hakikatnya air bah itu cuma tidak berupaya mengalir ke sungai.

Kedua-dua mukim ini memang terkenal dengan "banjir termenung" ketika Sang Bedal kecil dulu. Kini selepas kira-kira 30 tahun banjir melanda semula kawasan ini. Mungkin yang perlu dikaji untuk

mengaitkan kes di sini adalah sistem perparitan dan kedalaman Batu Pahat.

Rumput dalam parit yang disembur racun rumpai kemudian mendapat sekali gus memenuhi sebahagian daripada ruang parit yang sudah semestinya mengurangkan jumlah air yang mengalir di dalamnya.

Apakah juga ada kemungkinan muara Sungai Batu Pahat semakin Johor? Jika ini berlaku ia adalah satu lagi faktor yang melambatkan air dari hulu ke luar dan mengakibatkan air terus bertakung di hulu Batu Pahat.

Faktor lain ialah keupayaan tanah menyerap air hujan pusingan kedua adalah terhad kerana air hujan pusingan pertama sudah sedia ada dalam tanah.

Justeru, air hujan itu terus saja melimpah dari kawasan ladang dan pertanian ke penempatan penduduk yang lazimnya di kawasan le-

bih rendah.

Satu lagi faktor kawasan Batu Pahat sebelum ini kebanyakan bertanah gambut. Ketika itu tanah ditanam sayur, nenas dan pokok kelapa.

Kemudian muncul revolusi menanam pokok kelapa sawit yang menyebabkan struktur tanah gambut kering dan terhakis sekali gus muncul lapisan tanah liat. Kelapa sawit kini menggantikan hampir seluruh kawasan pertanian di Batu Pahat dan menyaksikan struktur tanah berubah. Tanah liat tidak mampu menakung air seperti keupayaan tanah gambut maka terjadilah banjir di daerah ini.

Mungkin analisis atau teori dangkal ini ada logiknya. Apa pun seluruh sistem saluran dan perparitan perlu dikaji semula, pastikan apa yang menghalang aliran air mesti ditangani kerana kita dilapor bakal menghadapi banjir pusingan ketiga yang tidak diketahui tahapnya.